

PM mula lawatan rasmi di Brunei

Muhyiddin temui Sultan Hassanal Bolkiah sempena Rundingan Pemimpin Tahunan Ke-23



Johari Ibrahim

di Bandar Seri Begawan

Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di sini petang semalam untuk lawatan rasmi dua hari sempena Rundingan Pemimpin Tahunan Ke-23, antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Puan Sri Norainee Abdul Rahman tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada jam 3.55 petang, disambut oleh Pengiran Muda Mahkota, Pengiran Muda Al Muhtadee Billah yang juga Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Brunei, beberapa anggota Kabinet serta pegawai kanan kerajaan negara ini.

Yang turut menyambut Perdana Menteri ialah Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri M Shahrul Ikram Yaakob serta pegawai di Pesuruhjaya Tinggi Ma-

laysia di Brunei.

Muhyiddin kemudian diberikan sambutan rasmi dengan memeriksa kawalan kehormat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan.

Perdana Menteri turut diperkenalkan kepada beberapa anggota Kabinet Brunei.

Beliau dijangka menghadap Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah hari ini yang mana ia adalah pertemuan kali pertama Perdana Menteri sejak menjawat jawatan lebih setahun lalu.

Rundingan Pemimpin Tahunan ke-23 dijangka menyentuh mengenai pelbagai perkara kepentingan bersama seperti hal ehwal serantau, isu dua hala, ekonomi dan hubungan kedua-dua negara pasca COVID-19.

Sementara itu, Hishammuddin pada sidang media bersama wartawan Malaysia berkata, pertemuan kedua-dua pemimpin adalah penting dan tepat pada masa bagi mengukuhkan hubungan dua hala, terutama ketika cabaran wabak COVID-19 pada masa ini, tambahan pula Brunei juga adalah negara penting dalam konteks kerjasama sesama negara ASEAN.

Antara perkara utama perbincangan, katanya, ialah mengenai cadangan mewujudkan Aturan Laluan Hijau Timbal Balas di antara Malaysia dan Brunei.

“Perbincangan mengenai pengiktirafan bersama sijil vaksin COVID-19 juga akan memu-



Muhyiddin disambut Al Muhtadee Billah ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bandar Seri Begawan untuk lawatan rasmi dua hari ke Brunei, semalam.

(Foto BERNAMA)

dahkan perjalanan rakyat kedua-dua negara,” katanya selepas mesyuarat mengenai lawatan itu bersama rakan sejawatnya, Menteri Luar II, Erywan Yusof, semalam.

Beliau berkata, pada masa ini tidak ada siapa yang boleh mendakwa mereka ada kaedah terbaik menyelesaikan isu berkaitan wabak itu, justeru perbincangan secara bersemuka adalah mustahak antara pemimpin.

Malah, cadangan kerjasama dalam bidang diplomasi vaksin COVID-19 itu juga ke arah pe-

ngukuhan kerjasama ekonomi.

Hishammudin menjelaskan, perbincangan kedua-dua pemimpin juga dijangka menyentuh isu kemanusiaan di Myanmar selaras kedudukan Brunei sebagai Pengerusi ASEAN.

“Perbincangan dijangka berupaya menentukan sekurang-kurangnya asas apa yang boleh dilakukan berkaitan isu Myanmar itu,” katanya sambil menambah, perundingan kedua-dua pihak juga menunjukkan kesedaran Malaysia dan Brunei untuk bersama-sama menyelesaikan cabaran

yang semakin meningkat, khususnya berikutan pandemik COVID-19.

Sempena lawatan itu, katanya, Sultan Hassanal Bolkiah dan Muhyiddin dijangka menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang pengurusan bencana antara kedua-dua kerajaan, membabitkan Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADMA) dan perjanjian *unitisation* di antara PETRONAS dan Brunei National Unitisation Secretariat dalam sektor minyak dan gas.